



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### 3000 ORANG WARGA WANGSA MAJU SERTAI KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN

**KUALA LUMPUR, 13 Februari 2016** – Kenduri 1Wilayah Persekutuan (1WP) Peringkat Parlimen Wangsa Maju yang diadakan di hadapan Sekolah Rendah Seksyen 1 Wangsa Maju, KL dihadiri oleh 3000 orang warga Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Program ini disempurnakan oleh YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan.

2. Program ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara komuniti khususnya di Wangsa Maju, Kuala Lumpur selain dapat bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti gotong-royong kebersihan. Selain itu, menerusi Kenduri 1WP ini juga turut menjadi medium bagi memperkuatkkan persefahaman, perpaduan dan ukhuwah sesama warga Wilayah Persekutuan khususnya bagi komuniti Parlimen Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

3. Pemilihan kawasan Kenduri 1WP di hadapan Sekolah Rendah Seksyen 1 Wangsa Maju ini adalah kerana mempunyai kawasan lapang untuk komuniti Wangsa Maju turut serta dalam aktiviti gotong-royong selain kemudahan laluan pejalan kaki berbumbung yang baru sahaja siap untuk dirasmikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan. Pelbagai aktiviti turut dijalankan sepanjang program berlangsung seperti aktiviti senaman zumba, pertandingan mewarna kanak-kanak, cabutan bertuah dan juga gotong-royong memasak juadah kenduri oleh warga Wangsa Maju. Melalui konsep gotong-royong yang diterapkan dalam program Kenduri 1WP ini, warga Wilayah

Persekutuan berpeluang untuk merasai kemeriahannya suasana kenduri sambil menjamu selera dengan juadah yang dimasak sendiri secara beramai-ramai. Malahan konsep gotong-royong ini juga dapat memeriahkan dan menceriakan lagi warga kota khususnya di Wangsa Maju. Dengan amalan ini, ia bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan masa tetapi mengeratkan perpaduan sesama masyarakat setempat.

4. Bersempena dengan program Kenduri 1Wilayah Persekutuan turut diadakan aktiviti Gotong-Royong Kebersihan dan Cegah Denggi bersama komuniti Wangsa Maju. Ini bertujuan membangkitkan kesedaran masyarakat akan bahaya ancaman penyakit demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk aedes. Longkang-longkang di sekitar kawasan Wangsa Maju telah dibersihkan dan dicuci bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes dengan kerjasama pihak DBKL yang telah melakukan semburan asap bagi menghapuskan nyamuk-nyamuk ini.

5. Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Parlimen Wangsa Maju, Kuala Lumpur dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat sejahtera dan ceria. Selain itu program ini juga dapat menyuntik semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dalam usaha memastikan keharmonian serta perpaduan warga Wilayah Persekutuan terus dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat  
Kementerian Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur  
13 Februari 2016